

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

**M**ENURUT Imam Ibn al-Jazari hukum mempelajari ilmu tajwid adalah fardu ain. Bermakna setiap muslim yang mukalaf mesti memahami hukum asas dalam ilmu tajwid untuk membaca al-Quran dengan sebutan yang tepat. Hasil daripada penjagaan hukum tajwid ialah al-Quran akan terus dibaca dengan bacaan yang tepat, keunggulan kalam Allah akan terpancar, mukjizat al-Quran terus terpahat dalam sanubari umat Islam.

Persoalannya, bilakah ilmu tajwid ini berkembang sehingga sempurna seperti pada hari ini dan adakah umat Islam terdahulu mengetahui semua istilah seperti izhar, idgham, mad wajib, mad jaiz dan lain-lain?

Kajian ulama mendapati ilmu tajwid mula sempurna adalah sekitar kurun 4 hijrah. Namun sebelum itu telah wujud hasil penulisan yang ditulis dalam bentuk bersama dengan ilmu *Ulum al-Quran* atau ditulis dengan menghurai bab-bab tertentu sahaja seperti bab makhraj huruf.

Merujuk kepada huraian Ali Ibn Abi Talib r.a tentang maksud *tartil* adalah mengelok sebutan huruf dan mengetahui wakaf. Ini mempengaruhi ulama terdahulu dalam penulisan ilmu tajwid dengan mereka menekankan bab makhraj huruf dan sifatnya.

Asas utama dalam ilmu tajwid ialah makhraj huruf dan sifatnya. Jika mendalaminya dengan baik daripada guru yang mahir tentang makhraj huruf dan sifatnya akan menghasilkan bacaan al-Quran yang tepat.

Berlainan dengan sesetengah masyarakat kita pada hari ini yang melebihi hukum nun sakinah sama ada izhar, idgham atau hukum mad wajib dan mad jaiz dengan mengabaikan kaedah sebutan huruf dan mendalami sifat huruf. Dan amat sedikit yang mahir dalam bab *wakaf* (berhenti) dan *ibtida'* (memulakan bacaan).

Perintis penulisan ilmu tajwid bermula pada kurun 4 hijrah yang ditulis oleh Abi Muzahim al-Khaqani (meninggal pada tahun 325 hijrah). Penulisan yang dinamakan *Qasidah Ra'iyah* itu mengandungi 51 rangkap syair dan membicarakan beberapa tajuk dalam ilmu tajwid.

*Qasidah Ra'iyah* menjadi pengaruh kepada penulisan ilmu tajwid pada zaman selepasnya dengan ramai ulama yang



KAEDAH terbaik mempelajari ilmu tajwid adalah bertalaqqi dengan guru. - Gambar hiasan

# Perkembangan ilmu tajwid

menaqalkan pendapatnya dalam penulisan mereka, menghurai dengan metod yang lebih mudah atau mengkritik pendapatnya.

Menariknya, Abi Muzahim tidak menggunakan istilah tajwid dalam kitabnya itu tetapi menggunakan kalimah *Husnu al-Ada'*.

Menurut Dr. Ghanim Qadduri, faktor kenapa tidak digunakan istilah tajwid adalah kerana istilah tersebut tidak

masyhur ketika itu dan hanya sebahagian ulama sahaja yang menggunakannya.

Pada kurun berikutnya penulisan tajwid makin berkembang dan kesinambungan ini dilakukan beberapa ulama terkenal seperti Makki Ibn Abi Talib al-Qisi (meninggal pada tahun 437 hijrah) kitabnya adalah *al-Ri'ayah*, Abu Amru al-Dani (meninggal pada tahun 444 hijrah) kitabnya adalah *al-Tajwid Fi al-Itqan wa al-Tajwid*, Abdul Wahab

al-Qurtubi (meninggal pada tahun 462 hijrah) yang mengarang kitab *al-Muwaddah fi al-Tajwid*.

Dr. Ghanim Qadduri telah mengkaji secara teliti penulisan dalam ilmu tajwid yang meliputi kitab atau risalah dan sama ada dicetak atau masih manuskrip.

Beliau menyusun mengikut urutan tahun sehingga kurun 13 hijrah mendapati lebih dari 100 karya yang dihasilkan ulama.